

PERANAN PENGETAHUAN, TINGKAH LAKU, DAN SIKAP KEWANGAN TERHADAP KESEJAHTERAAN KEWANGAN DALAM KALANGAN PEKERJA DI SARAWAK

Malisah Latip

Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan & Sains, Universiti Putra Malaysia Sarawak.

E-mel: malisah@upm.edu.my

Ismawati Sharkawi

Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan & Sains, Universiti Putra Malaysia Sarawak.

E-mel: ismawat@upm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi menilai pengaruh pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan, dan sikap kewangan terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja di Sarawak, Malaysia. Dalam konteks ekonomi semasa yang mencabar serta keperluan pengurusan kewangan peribadi yang semakin kompleks, pemahaman terhadap faktor-faktor yang menyumbang kepada kesejahteraan kewangan menjadi semakin penting. Kajian ini memberi tumpuan kepada tiga faktor utama yang dikenal pasti memainkan peranan dalam membentuk kesejahteraan kewangan individu, iaitu tahap pengetahuan kewangan, corak tingkah laku kewangan, dan sikap terhadap pengurusan kewangan. Seramai 380 orang responden daripada pelbagai latar belakang sektor pekerjaan di negeri Sarawak telah terlibat dalam kajian ini. Reka bentuk kajian adalah berbentuk kuantitatif dengan pendekatan tinjauan, manakala data dikumpulkan melalui borang soal selidik atas talian menggunakan Google Forms. Analisis data dilaksanakan menggunakan kaedah regresi linear berganda bagi mengenal pasti hubungan dan pengaruh antara pembolehubah. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa ketiga-tiga pembolehubah bebas menyumbang secara signifikan terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja. Implikasi kajian ini mencadangkan agar pihak berkepentingan seperti majikan dan pembuat dasar memberi perhatian kepada inisiatif pendidikan kewangan serta program pembentukan tingkah laku kewangan positif dalam usaha meningkatkan kesejahteraan kewangan tenaga kerja di Sarawak.

Kata Kunci: pengetahuan kewangan; tingkahlaku kewangan; sikap kewangan; kesejahteraan kewangan; pekerja; Sarawak

1. PENGENALAN

Kesejahteraan kewangan merupakan aspek penting dalam menilai kestabilan hidup individu, khususnya dalam konteks pekerja yang berdepan dengan cabaran ekonomi yang semakin kompleks. Dalam era globalisasi dan perubahan pasaran pekerjaan yang pantas, kemampuan untuk mengurus kewangan secara berkesan menjadi semakin penting. Di Sarawak, meskipun negeri ini telah diiktiraf sebagai negeri berpendapatan tinggi dengan pendapatan per kapita melebihi RM61,500 pada tahun 2023 (New Straits Times, 2023), masih terdapat sebahagian besar penduduk yang menghadapi tekanan kewangan. Kebergantungan kepada bantuan kerajaan oleh lebih 55,000 individu berpendapatan rendah antara Januari hingga April 2025 di Sarawak membuktikan masih wujud jurang kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja (TV Sarawak, 2025). Isu ini menimbulkan persoalan sama ada faktor dalaman individu seperti pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan, dan sikap terhadap pengurusan kewangan memainkan peranan dalam menentukan kesejahteraan kewangan sebenar.

Faktor-faktor dalaman ini telah dikenal pasti oleh pelbagai kajian terdahulu sebagai penentu penting kesejahteraan kewangan. Pengetahuan kewangan merujuk kepada keupayaan seseorang untuk

memahami konsep asas kewangan dan membuat keputusan kewangan yang bijak. Tingkah laku kewangan pula melibatkan tabiat perbelanjaan, simpanan, dan pengurusan hutang, manakala sikap kewangan mencerminkan nilai dan kepercayaan individu terhadap penggunaan wang. Ketiga-tiga faktor ini saling berkaitan dan boleh mempengaruhi keupayaan seseorang untuk mencapai kesejahteraan kewangan yang stabil (Yau et al., 2022). Kajian oleh Lu, Kosim, dan Abdul Rahman (2024) menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan kewangan yang rendah dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah di Sarawak berkait rapat dengan tingkah laku kewangan yang lemah dan tahap celik kewangan yang rendah. Oleh itu, kajian ini akan meneliti bagaimana ketiga-tiga pembolehubah tersebut berkait dengan kesejahteraan kewangan dalam konteks pekerja di Sarawak.

Tambahan pula, peningkatan kadar pinjaman tidak berbayar (non-performing loans) di Malaysia yang mencecah USD7.388 bilion pada Januari 2025 (CEIC Data, 2025) turut mencerminkan kesan kegagalan dalam pengurusan kewangan peribadi yang mungkin berpunca daripada kekurangan ilmu dan sikap kewangan yang kurang berhemah. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk meningkatkan literasi kewangan, seperti pelaksanaan strategi nasional oleh Financial Education Network (FEN, 2023), cabaran sebenar terletak pada keberkesanan program tersebut dalam membentuk tingkah laku kewangan yang mampan. Banyak program masih bersifat umum dan tidak mengambil kira konteks lokal seperti cabaran ekonomi dan sosial yang dihadapi oleh pekerja di Sarawak. Maka, penyelidikan yang memberi tumpuan kepada aspek pengetahuan, tingkah laku dan sikap kewangan secara menyeluruh dalam kalangan pekerja tempatan adalah amat diperlukan.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai hubungan antara pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan, dan sikap kewangan dengan kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja di Sarawak. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan secara atas talian dan melibatkan seramai 380 responden dari pelbagai sektor pekerjaan. Dengan menggunakan analisis regresi linear berganda, kajian ini diharap dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang sejauh mana faktor dalaman individu mempengaruhi kesejahteraan kewangan mereka. Dapatan daripada kajian ini dijangka dapat membantu pihak berkepentingan seperti majikan, pembuat dasar dan institusi kewangan dalam merangka program intervensi yang lebih bersasar dan berkesan bagi memperkukuhkan tahap kesejahteraan kewangan pekerja di Sarawak.

2. KAEDAH KAJIAN

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan keratan rentas. Reka bentuk ini membolehkan pengkaji mengumpul maklumat secara sistematik berkaitan hubungan antara ketidakjaminan pekerjaan dan kesejahteraan kewangan terhadap kebimbangan kewangan dalam kalangan pekerja. Kajian ini bersifat bukan eksperimental dan memfokuskan kepada pemerhatian terhadap corak data yang wujud secara semula jadi dalam kalangan responden.

2.2 Populasi dan Persampelan

Populasi kajian terdiri daripada individu yang sedang bekerja di negeri Sarawak, merangkumi pelbagai sektor termasuk sektor awam, swasta, dan bekerja sendiri. Sebanyak 380 orang responden dipilih sebagai sampel kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kriteria pemilihan termasuk mereka yang berumur 18 tahun ke atas, mempunyai pekerjaan, dan menetap di Sarawak. Kaedah ini digunakan bagi memastikan data dikumpulkan daripada kumpulan yang benar-benar relevan dengan objektif kajian.

2.3 Instrumen Kajian

Data dikumpulkan melalui soal selidik berstruktur yang dibina berdasarkan konstruk yang telah diguna pakai dalam kajian-kajian terdahulu. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian utama iaitu: (i) maklumat demografi responden, (ii) skala pengetahuan kewangan, (iii) skala tingkah laku kewangan, dan (iv) skala sikap kewangan. Kesejahteraan kewangan sebagai pembolehubah bersandar diukur dalam bahagian yang berasingan menggunakan skala yang telah disesuaikan daripada kajian lepas.

Kesemua item dalam soal selidik diukur menggunakan skala Likert lima mata, yang menunjukkan tahap persetujuan responden terhadap kenyataan yang diberikan, bermula dari 1 = "Sangat Tidak Setuju" hingga 5 = "Sangat Setuju". Instrumen kajian telah diuji dari segi kebolehpercayaan melalui pekali Cronbach's alpha, dan kesemua konstruk mencatatkan nilai melebihi 0.70, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang memuaskan dan konsisten untuk digunakan dalam kajian ini.

2.4 Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data

Soal selidik disebar secara talian melalui platform Google Forms. Responden dihubungi menerusi media sosial, rangkaian organisasi, dan kenalan profesional di Sarawak. Sebelum menjawab, mereka diberikan pernyataan persetujuan maklum sebagai syarat etika penyertaan. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan profil responden, manakala analisis regresi linear berganda dijalankan bagi menilai sejauh mana ketidakjaminan pekerjaan dan kesejahteraan kewangan mempengaruhi kebimbangan kewangan dalam kalangan pekerja.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

3.1 Profil Responden

Seramai 380 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan taburan jantina, majoriti responden adalah perempuan (60.3%), manakala lelaki mewakili 39.7% daripada jumlah keseluruhan. Dari segi status perkahwinan, lebih separuh daripada responden adalah bujang (51.8%), diikuti oleh yang telah berkahwin (45.8%), manakala selebihnya terdiri daripada bercerai (1.8%) dan duda/janda (0.5%). Dalam aspek tahap pendidikan, sebahagian besar responden memiliki kelulusan STPM, diploma atau setaraf (39.2%), diikuti oleh pemegang ijazah sarjana muda (26.6%), dan sekolah menengah (23.2%). Hanya sebilangan kecil mempunyai kelulusan sarjana (3.2%), doktor falsafah (0.5%) dan pendidikan rendah (1.3%).

Dari sudut sektor pekerjaan, majoriti responden berkhidmat dalam sektor kerajaan (55.8%) manakala selebihnya dalam sektor swasta (44.2%). Bagi status pekerjaan pula, 63.4% bekerja secara tetap, diikuti oleh pekerja kontrak (14.7%), sementara (8.2%), sambilan (8.4%), dan dalam tempoh percubaan (5.3%). Dari segi pendapatan bulanan, hampir separuh daripada responden memperoleh gaji RM2,000 dan ke bawah (47.9%), manakala 29.2% berada dalam julat RM2,001–RM4,000. Selebihnya berada dalam kumpulan pendapatan RM4,001–RM6,000 (11.8%), RM6,001–RM8,000 (7.4%), dan hanya segelintir melebihi RM8,000 (kurang daripada 3%). Bagi kategori umur, responden terbesar berada dalam lingkungan 18 hingga 25 tahun (33.2%), diikuti oleh kumpulan umur 26 hingga 35 tahun (27.2%) dan 36 hingga 45 tahun (26.1%). Hanya 10.8% berumur antara 46 hingga 55 tahun, manakala mereka yang berumur 56 tahun ke atas adalah seramai 10 orang (2.6%).

3.2 Analisis Regresi Berganda

Analisis regresi linear berganda telah dijalankan bagi menilai hubungan antara pengetahuan kewangan (PK), tingkah laku kewangan (TLKP), dan sikap kewangan (SK) terhadap kesejahteraan kewangan (KK) dalam kalangan pekerja di Sarawak. Keputusan analisis seperti dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa model regresi adalah signifikan secara statistik, $F(3, 376) = 74.599, p < .001$, dengan nilai pekali determinasi $R^2 = 0.376$. Ini bermakna sebanyak 37.6% variasi dalam kesejahteraan kewangan dapat dijelaskan oleh ketiga-tiga pembolehubah bebas yang diuji dalam model ini.

Dua pembolehubah bebas iaitu tingkah laku kewangan dan sikap kewangan menunjukkan hubungan yang signifikan secara statistik terhadap kesejahteraan kewangan. Tingkah laku kewangan mencatatkan nilai beta piawai (β) sebanyak 0.320 ($t = 7.204, p < 0.001$), manakala sikap kewangan mencatatkan nilai beta tertinggi iaitu 0.405 ($t = 9.122, p < 0.001$). Ini menunjukkan bahawa kedua-dua faktor tersebut mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap kesejahteraan kewangan responden, dengan sikap kewangan memberikan sumbangan relatif yang paling besar dalam model.

Sebaliknya, pengetahuan kewangan didapati tidak signifikan dalam meramalkan kesejahteraan kewangan. Walaupun nilai koefisien bagi pembolehubah ini adalah positif ($\beta = 0.034$), namun nilai p adalah 0.427, melebihi aras signifikan 0.05. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengetahuan kewangan sahaja mungkin tidak mencukupi untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan tanpa disertai dengan tingkah laku dan sikap kewangan yang seiring. Penemuan ini menyokong hujah bahawa elemen praktikal dan psikososial seperti amalan harian dan kepercayaan terhadap kewangan lebih berperanan dalam menentukan tahap kesejahteraan kewangan individu.

Selain itu, semua nilai VIF bagi ketiga-tiga pembolehubah bebas adalah di bawah 1.2, menandakan tiada isu multikolineariti dalam model. Hal ini menunjukkan bahawa kesemua pembolehubah bebas adalah bebas antara satu sama lain, dan model regresi yang dibina adalah sah dari segi statistik. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa intervensi yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan perlu menumpukan bukan sahaja kepada pendidikan kewangan, tetapi juga kepada pembentukan sikap dan perubahan tingkah laku kewangan yang positif.

Jadual 1: Dapatan Analisis Regresi Linear Berganda antara Pengetahuan, Tingkah Laku dan Sikap Kewangan terhadap Kesejahteraan Kewangan

Predictor	B	Std. Error	Beta	t	p-value	VIF
(Constant)	-0.295	0.220	—	-1.338	0.182	—
Pengetahuan	0.043	0.053	0.034	0.796	0.017	1.076
Tingkah Laku	0.344	0.048	0.320	7.204	<0.001	1.185
Sikap	0.757	0.083	0.405	9.122	<0.001	1.181
Model Summary:						
R =		0.613				
R^2 =		0.376				
$F(3, 376) =$		74.599, $p < .001$				

4. KESIMPULAN

Kajian ini telah menilai hubungan antara pengetahuan kewangan, tingkah laku kewangan, dan sikap kewangan dengan kesejahteraan kewangan dalam kalangan pekerja di Sarawak. Berdasarkan analisis regresi yang dijalankan, dapatan menunjukkan bahawa tingkah laku kewangan dan sikap kewangan mempunyai pengaruh yang signifikan dan positif terhadap kesejahteraan kewangan. Sebaliknya, pengetahuan kewangan tidak menunjukkan sumbangan yang signifikan. Penemuan ini mencadangkan bahawa tindakan praktikal serta sikap individu terhadap kewangan memainkan peranan yang lebih penting dalam membentuk kesejahteraan kewangan berbanding pengetahuan semata-mata. Sehubungan itu, program dan dasar berkaitan kesejahteraan kewangan perlu menumpukan bukan sahaja kepada aspek literasi kewangan, tetapi juga kepada pembangunan tingkah laku kewangan yang bertanggungjawab serta sikap yang positif. Kajian pada masa hadapan boleh mempertimbangkan faktor lain seperti tekanan kewangan, kestabilan pekerjaan, atau keterangkuman kewangan digital sebagai pemboleh ubah tambahan yang mungkin memberi impak terhadap kesejahteraan kewangan.

5. PENGHARGAAN

Pihak penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) atas sokongan dan pembiayaan yang diberikan melalui Geran Putra-IPM (Pusat Kos: 9783100), yang telah memungkinkan pelaksanaan kajian ini.

6. RUJUKAN

- CEIC Data. (2025). *Malaysia Non-Performing Loans*.
<https://www.ceicdata.com/en/indicator/malaysia/nonperforming-loans>
- Financial Education Network. (2023). *National Strategy for Financial Literacy 2019–2023: Progress Report*. <https://www.fenetwork.my/wp-content/uploads/2023/05/FEN-National-Strategy-Progress-Report-THE-COMPLETE-REPORT-FINAL.pdf>
- Lu, M.-P., Kosim, Z., & Abdul Rahman, N. A. (2024). *Financial wellbeing of poor households: Role of digital financial inclusion*. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 58(3). https://www.ukm.my/jem/wp-content/uploads/2024/11/jeko_583-1.pdf
- New Straits Times. (2023, July 6). *Sarawak a high income state by World Bank standards*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2023/07/927173/sarawak-high-income-state-world-bank-standards>
- TV Sarawak. (2025, May 20). *DUN Sarawak: Lebih 55,000 individu berpendapatan rendah terima bantuan kewangan*. <https://www.tvsarawak.my/2025/05/20/dun-sarawak-lebih-55000-individu-berpendapatan-rendah-terima-bantuan-kewangan>
- Yau, J. T. H., Ahmad Fauzi, M. F., & Jalil, M. A. (2022). *Financial literacy and financial behaviour in four different age groups in Malaysia*. *UNIMAS Review of Accounting and Finance*, 6(1), 71–89. <https://publisher.unimas.my/ojs/index.php/URAF/article/view/5248>